




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 18 MAC 2024



**Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat**

TAJUK BERITA



- 1. KAUT UNTUNG LEBIH RM6 JUTA SEHARI - UTUSAN MALAYSIA**
- 2. KAYAKAN PESAWAH DAN NEGARA TIDAK AKAN KEMPUNAN BERAS - UTUSAN MALAYSIA**
- 3. TIGA EMPANGAN DI KEDAH PADA PARAS SELESA - UTUSAN MALAYSIA**
- 4. SEKURITI, KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA BERISIKO - BERITA HARIAN**
- 5. PELANGGAN DAH LALI STOK BERAS SST 'PUTUS' - HARIAN METRO**
- 6. 'FOOD CLUSTER CHIEF UNDERMINING GOVT' - NEW STRAITS TIMES**

ISNIN 18 MAC 2024 7 RAMADAN 1445

BIL 67 TAHUN KE-57

PP19527/09/2019 (035121)



UTUSANONLINE

WWW.UTUSAN.CO

**Projek MYSaveFood Ramadan sasar
selamat 45 tan lebih makanan »10****Kelar anak: Suspek du
mangsa, lantai penuh**

Utusan Malaysia

PEMIKIRAN BAHARU



Beras tempatan 'hilang' akibat tukar bungkusan, penguatkuasaan lemah

Kaut untung lebih RM6 juta sehari

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Pengilang atau pengeluar beras didakwa mengaut keuntungan sehingga RM6.32 juta sehari melalui kegiatan menukar bungkusan kimpit beras putih tempatan (BPT) kepada beras putih import (BPI).

Jumlah itu berdasarkan purata keperluan rakyat Malaysia terhadap makanan ruji itu sekitar 137,500 metrik tan atau 135 juta kimpit beras sebulan.

Tindakan licik itu dipercayai menjadi punca kepada kehilangan beras tempatan di pasaran walaupun golongan pesawah sudah menyumbang sekitar 1.6 juta tan metrik se-

tahun kepada pengeluaran padi negara.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pasukan Petugas Pemantauan Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, hasil lumayan peniaga itu membongkar isu 'kehilangan' beras tempatan di

pasaran yang mula dikesan sejak akhir tahun lalu.

Menurutnya, tindakan tidak bermoral itu demi mengaut keuntungan berlebihan apabila beras putih tempatan 'celup' boleh dijual sehingga RM40 untuk 10 kilogram berbanding RM26.

Bersambung di muka 2

Dalam Negeri

Minda Pengarang

MOHAMAD AZLAN JAAFAR



Kayakan pesawah dan negara tidak akan kempunan beras

ANDA beri kacang anda akan dapat monyet. Itu secara kasar menggambarkan masalah industri padi negara. Selepas lebih enam dekad kemerdekaan, daripada sebuah negara yang sememangnya negara pertanian, kita masih berhadapan kekurangan atau kehilangan beras putih tempatan dari pasaran.

Kehilangan beras tempatan dari rak kedai-kedai dianggap satu misteri seperti kehilangan pesawat di Segitiga Bermuda.

Ini kerana terdapat kira-kira 700,000 hektar tanah yang ditanam padi di Malaysia. Dianggarkan ada 200,000 pesawah yang membanting tulang di tengah panas mencari sesuap nasi dalam erti kata sebenar tetapi ke mana hilangnya beras yang dihasilkan pesawah ini.

Satu laporan pada 2019 menunjukkan 90 peratus pesawah berada dalam golongan B40, ini golongan yang pendapatan isi rumah mereka kurang daripada RM5,250 sebulan. Jadi sebahagian pesawah ini mewakili 3.16 juta isi rumah kategori B40 daripada 8.4 juta isi rumah yang ada di Malaysia.

Apa yang lebih menyedihkan, golongan yang memastikan beras, iaitu bahan asas makanan 33.4 juta penduduk, komoditi yang menjadi hidangan setiap hari di rumah atau gerai tidak dapat hidup sebagai mereka yang senang.

Bukankah satu misteri mereka yang menyajikan sekitar 1.6 juta tan metrik atau lebih 60 peratus keperluan beras negara di hampir 60 peratus keluarga setiap hari berada dalam kategori miskin. Mungkin 40 peratus isi rumah makan beras basmati dan import.

Cuma kehidupan pesawah diselamatkan kerana memiliki rumah sendiri, tanah, dan kawasan yang boleh ditanam hasil lain atau sekurangnya membela ayam atau itik.

Jadi masalah besar yang merangkumi lebih 40 peratus kos kehidupan - menyediakan bumbung untuk berteduh (pembelian rumah atau menyewa) telah diselesaikan.

Terdapat terlalu banyak perdebatan mengenai isu beras dan juga ketiadaan makanan ruji itu. Kebanyakan petunjuk mendorong kepada tindakan golongan sama ada pengilang atau pembungkus atau mungkin pemborong mencampurkan beras tempatan dan beras import dan menjualnya pada harga lebih tinggi. Anda mungkin membenci mereka tetapi perniagaan adalah untuk meraih keuntungan. Dengan perbezaan harga besar antara beras tempatan dan import, penipuan akan berlaku.

Perkara sama berlaku untuk minyak masak, diesel dan petrol. Cuma dalam produk ini, ia dieksport keluar kerana harganya terlalu murah berbanding di negara jiran.

Banyak pihak bercakap mengenai keselamatan makanan tapi ramai lupa asas keterjaminan makanan itu adalah memastikan petani ada sebab untuk menanam padi. Pengilang atau pemborong tidak akan ada untung, malah untuk mencampur beras untuk ditipu jika tiada bekalan padi pesawah tempatan. Kenapa orang menanam kelapa sawit kerana harganya boleh mencecah RM4,000 setan.

Untuk Malaysia mencapai keselamatan beras, beri tumpuan kepada pesawah. Beri mereka hak dan nilai sepatutnya terhadap hasil padi yang dikeluarkan. Jangan kekang harga dan jadikan mereka mangsa.

Galakkan mereka menjadi bukan sahaja penanam beras untuk Malaysia tetapi dunia. Jika Amerika Syarikat boleh mengeksport beras bernilai AS\$1.75 bilion termasuk ke Jepun dengan nilai eksport AS\$331 juta, Kanada, Haiti, Mexico dan Korea Selatan, kenapa bukan pesawah kita. Beras lebih diperlukan di seluruh dunia daripada cip komputer. Jepun yang kaya mengeksport beras. Malah kejayaan mengeksport beras cara paling berkesan memastikan keselamatan makanan negara. Daripada sibuk dengan Beras Kedah, Sekinchan, Terengganu, kita harus jual beras Malaysia kepada dunia dan pesawah yang sebelum ini tergolong sebagai B40 akan berpeluang menjadi M40 atau T20 dan tidak terus ditipu pihak ketiga.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Muli Sdn. Bhd.

Tiga empangan di Kedah pada paras selesa

ALOR SETAR: Takungan air di tiga empangan seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) masih selesa dan mencukupi bagi menampung keperluan sumber air pengairan aktiviti tanaman padi dan kegunaan domestik sepanjang El Nino.

Cawangan Komunikasi Korporat MADA dalam satu kenyataan memaklumkan, jumlah keseluruhan takungan ketiga-tiga empangan MADA sehingga semalam adalah sebanyak 887,920 ekar kaki bersamaan 72.60 peratus.

“Kapasiti takungan Empangan Pedu adalah 625,000 ekar kaki bersamaan 71.43 peratus, Empangan Muda sebanyak 58,750 ekar kaki (47 peratus) dan Empangan Ahning sebanyak 204,170 ekar kaki (91.56 peratus).

“Ketika ini status kemajuan aktiviti tanaman padi bagi musim 2/2023 adalah di peringkat penuaian yang mana 77.3 peratus di kawasan Muda sudah dituai. Oleh itu, penggunaan air untuk tujuan pengairan adalah pada tahap minimum,” katanya.

Tambah kenyataan itu, orang ramai tidak perlu risau biarpun jumlah takungan air di empangan sedikit berkurangan, namun masih memuaskan untuk permulaan aktiviti tanaman padi bagi musim 1/2024 yang akan bermula April ini.

Sementara itu, jumlah turunan hujan di kawasan Muda sehingga kelmarin merekodkan bacaan lebih rendah iaitu sebanyak 59 milimeter (mm) berbanding jumlah purata turunan hujan 20 tahun, iaitu 164mm.

“Bagi menghadapi El Nino yang dijangka sehingga Jun ini, MADA tetap mengambil langkah berjaga-jaga dan melakukan tindakan segera dengan memaksimumkan penggunaan stesen pam guna semula bagi menjimatkan air dari empangan.

“Kita juga menjalankan operasi membekalkan air pengairan secara penggiliran mengikut keperluan aktiviti persawahan di setiap wilayah berdasarkan fasa tanaman musim penghujung Mac ini,” katanya.

‘Sekuriti, keterjaminan makanan negara berisiko’

Pendatang asing mampu bentuk kartel, kuasai rantai bekalan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebun sayur diusahakan pendatang asing yang didakwa semakin meluas, sama dengan penguasaan golongan itu dalam rantai perbekalan hasil tani berkenaan, dikhuatiri membentuk kartel sayur di Malaysia.

Andai saiz kebun haram makin bertambah, sekuriti dan keterjaminan makanan negara boleh terancam berikutan kebergantungan sangat tinggi kepada pengusaha dan tenaga kerja asing dalam rantai daripada peringkat kebun, logistik, pengedaran hingga pasar borong.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Shazwan Mokhtar, berkata kelompangan undang-undang sedia ada sebenarnya membuka ruang kepada isu itu.

“Pendatang sewa tanah orang tempatan untuk buka kebun, sebahagian lagi ceroboh tanah kerajaan atau persendirian. Kebanjiran petani asing ini membentuk rangkaian dan mula menembusi kitaran bekalan makanan hingga gugat kemandirian petani tempatan.

“Misalnya, dengan kos operasi murah rentetan aktiviti pertanian haram serta tindakan mereka guna racun serangga murah dan berbahaya, hasil pertanian lebih murah dapat ditawarkan kepada pasaran.

“Mereka juga berupaya berhubung terus dengan peniaga, ini tak beri kelebihan kepada petani tempatan yang terikat dengan pematuan dan syarat ketat ditetapkan pihak berwajib,” katanya kepada *BH*, semalam.

Semalam, akhbar ini dalam laporan muka depan, melaporkan warga Bangladesh, Indonesia dan Rohingya menguasai industri sayur di negara ini dengan membuka anggaran 1,000 hektar kebun sayur haram di serata Semenanjung.

Kegiatan itu paling banyak dikesan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang, terutama Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan kebun haram di setiap negeri antara 50 hingga 100 hektar.

Mohd Shazwan berkata, penerokaan tanah secara haram di sebabkan kurang kesedaran pemilik tanah tempatan untuk mengusahakan tanah mereka dengan aktiviti ekonomi berimpak tinggi, lalu menyewakannya.

“Jadi perkara berkaitan undang-undang tanah perlu diperketatkan kerana jika bidang kua-



Keratan akhbar *BH*, semalam.

sa pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya terbatas dengan tawaran kompaun atau tindakan mahkamah, masalah sama tetap akan berulang.



Mohd Shazwan

“Penguatkuasaan undang-undang peringkat PBT atau Pejabat Tanah perlu dinilai semula kerana ia turut berkait isu ketirisan dan rasuah. Pihak berkuasa tak boleh bergantung laporan atau aduan orang ramai semata-mata, kena turun padang lebih kerap,” katanya.

Tegasnya, kebajirannya warga asing dalam rantai perbekalan sayur perlu dikawal oleh agensi kerajaan berkaitan supaya sektor makanan negara dapat diperkukuh dan tidak lagi terlalu bergantung pada hasil ta-

Akta di bawah kuasa KDN, KESUMA

Kuching: Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) perlu menangani penguasaan warga asing dalam rantai perbekalan sayur-sayuran negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata undang-undang berkaitan berada di bawah bidang kuasa dua kementerian terbabit dan usaha menangani isu itu harus dirujuk dengan KDN serta KESUMA.

“Kalau mengikut prosedur sedia ada, macam itulah,” katanya selepas program pengagihan bubur lambuk di Surau Al Hidayah, Taman Sejoli, Petra Jaya, dekat sini semalam.

Pendatang kuasai pelbagai rantai perniagaan

Kuala Lumpur: Pendatang asing di negara ini diakui makin kukuh bertapak dalam rantai perniagaan, bukan setakat sektor pertanian terutama sayur-sayuran yang kian dikuasai mereka dari peringkat kebun hingga pasar borong.

Presiden Gabungan Persatuan Penaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, berkata warga asing yang pada mulanya bekerja dengan warga tempatan, makin aktif dalam perniagaan lain, antaranya pembinaan, elektrik dan kenderaan.

“Ini seperti sel kanser, jika tak dikawal, tak mustahil warga asing kuasai ekonomi negara kita dan beri ancaman buat usahawan tempatan. Pengguna pula lebih cenderung dapatkan khidmat mereka kerana caj lebih murah,” katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam sektor pertanian, Rosli memberi contoh di Cameron Highlands, banyak kebun sayur di kawasan itu disewakan kepada warga asing yang mulanya bekerja dengan pekebun tempatan.

“Contohnya di Cameron Highlands, kebanyakan warga Bang-

ladesh ambil alih tanah orang tempatan menanam sayur.

Disember lalu, pihak berkuasa menyerbu Jalan Silang di ibu negara, kawasan menempatkan gerai dan perniagaan dikuasai warga asing terutama Bangladesh yang menawarkan pelbagai khidmat dan produk, hingga menda pat jolokan ‘Little Dhaka’.

Pendatang yang sebelumnya lebih ramai bekerja atau ‘berniaga’ dalam pelbagai jenis perkhidmatan, terutama restoran atau cucl kenderaan semakin lama berubah menjadi majikan.

ni yang dimport.

“Ini penting kerana ia bukan sahaja menjamin bekalan makanan, tetapi memastikan harga makanan mampu dibeli rakyat tempatan,” katanya.

Tuntut tindakan segera

Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata kerajaan perlu bertindak segera bagi mengelakkan warga asing terus kuasai industri sayur negara.

Katanya, warga asing wujud pada semua peringkat rantai bekalan kerana merekalah pengeluar, penggerak pengangkutan dan pengedaran, logistik sehingga jualan di pasar borong.

“Jika tiada tindakan segera dalam masa terdekat, mereka boleh membentuk kartel dan ia menyukarkan penyelesaian kepada isu sekuriti makanan dihadapi negara pada ketika ini,” katanya.

Katanya, ketika ini harga sayur sudah meningkat 25 peratus akibat pembatalan kuota pekerja asing dan akan diburukkan lagi apabila industri dimonopoli pekebun haram yang bukan warganegara.

Pensyarah ekonomi di Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berse tuju kerajaan perlu bertindak segera memastikan pembabitn warga asing dan rantai perbekalan sayur negara dilumpuhkan dan kebun haram dihapuskan.

“Perlu pastikan warga asing tidak lagi sewenang-wenangnya buka kebun sayur. Seterusnya, bongkar rangkaian kartel kerana ini akan jejas pendapatan pekebun tempatan dan dalam jangka panjang boleh ancam keterjaminan makanan negara,” katanya.

Perniagaan lain yang semakin ramai membabitkan warga asing terutama Bangladesh di Malaysia ialah rumah penginapan atau ‘homestay’ mewah, terutama di bandar besar.

Pada 2018, *BH* melakukan tinjauan serta intipan di sekitar ibu negara dan melalui maklumat di kumpul daripada pelbagai sumber, warga asing biasanya bergerak berkumpulan untuk urus puluhan kediaman seperti suite, apartmen dan kondominium.

Mereka dipercayai menjana keuntungan bulanan cecah pulu-

Minta kena tindakan lebih tegas

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa bertindak tegas terhadap pendatang asing yang mengusahakan kebun sayur secara haram atau apa-apa perniagaan berentangan dengan kelulusan diberikan ketika mereka memohon masuk ke negara ini.

Melalui ruangan komen di Facebook *BH*, rata-rata warga maya berpandangan pendatang asing tidak sepatutnya dibiar bebas melakukan aktiviti itu kerana mereka dibawa masuk ke Malaysia bukan untuk bantu rancakkan ekonomi negara dengan cara demikian.

Nash Nasir berpendapat, mereka dibawa masuk untuk bekerja dalam sektor perladangan, sebaliknya melarikan diri dan kemudian mengusahakan kebun sayur sebegitu besar sehingga negara kekurangan pekerja.

Bagi Azm Zma Man, tiada tindakan tegas dikenakan terhadap pekerja asing yang lari daripada bekerja dalam sektor dibenarkan, menyebabkan mereka boleh berbuat sesuka hati di sini.

“Sudah lari daripada perjanjian asal, warga asing hanya bekerja dalam sektor pembinaan, perladangan, perkilangan, orang gaji dan sebagainya. Kalau negara lain, mesti akan dikenakan tindakan tegas”.

Terdapat juga kecaman terhadap agensi penguatkuasaan yang didakwa membiarkan kumpulan warga asing melakukan perbuatan salah di sisi undang-undang, termasuk Nour Eija yang menyifatkan ia adalah pengkhianatan kepada negara.

“Soalan: Siapa bagi tanah utk bercucuk tanam?” tanya Amirzua Bin Ahmad Said, manakala warga maya lain mencadangkan *BH* menyasat lokasi lain yang mungkin menjalankan aktiviti serupa seperti di Johor.

“Minta *BH* bongkar lokasi lain pula, Cameron Highlands, Sekinchan, Johan Setia, Belah Perak pun ada,” menurut komen berkenaan.

Bangi: Sudah lama tiada beras super spesial tempatan (SST). Itu situasi di beberapa kedai runcit di sekitar Bangi Lama dan Bandar Seri Putra, di sini, berdasarkan tinjauan dijalankan semalam.

Pekerja kedai runcit dikenali sebagai Ilham berkata, pelanggan juga sudah lali dengan masalah ketiadaan beras tempatan.

"Beras SST memang su-

Pelanggan dah lali stok beras SST 'putus'

dah lama tidak ada. Tak ingat bila kali terakhir ada dijual di sini, walaupun di-pesan tetap juga tidak ada penghantaran.

"Pelanggan yang memerlukan memang bising sampai mereka pun lali dan tahu jawapan yang bakal diberikan. Jadi mereka terpaksa juga beli beras im-

port sebab tiada pilihan lain," katanya kepada Harian Metro.

Seorang lagi pekerja kedai runcit lain, Mohd Sabri berkata, ketiadaan beras SST di tempatnya bekerja bermula sejak kenaikan harga beras berlaku tahun lalu.

"Ketika beras naik harga

tahun lalu, sejak itu bekalan beras tempatan memang tidak ada dan tak dijual di sini. Hanya beras import saja yang masuk.

"Ramai yang mencari beras tempatan, tapi nak buat macam mana. Mahu atau tidak, terpaksa beli beras import, kasihan juga kepada mereka terutamanya



Kita pesan dalam tempoh lima bulan baru dapat. Itu pun dalam kuantiti terhad antara 40 hingga 50 pek saja"

Samad

yang kurang berkemampuan.

"Beras import memang sentiasa ada dan tak pernah putus bekalan tapi harga mahal," katanya.

Menurutnya, pelanggan juga terpaksa akur dan men-galah dengan keadaan pasaran beras di pasaran.

"Kita memang buat tempahan tapi tak dapat. Bagi saya, permintaan beras SST sangat tinggi, bagi yang kurang berkemampuan, nak beli beras import sedikit membebankan.

"Macam pelanggan tetap yang kebetulan beri barang lain, mereka akan beli saja beras import sebab tak ada pilihan. Kalau yang datang setakat nak beli beras, memang tidak akan beli beras import," katanya.

Bagaimanapun, berbeza

situasi di sebuah kedai runcit lain apabila premisnya masih menjual dan mendapat bekalan beras tempatan.

Pemiliknya dikenali sebagai Samad berkata, bekalan yang diterima oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) adalah terhad antara 40 hingga 50 pek saja.

"Kedai saya masih menjual beras tempatan tapi hanya dijual kepada orang tempatan iaitu warga Malaysia. Cuma nak dapat bekalan selalu pun agak susah juga.

"Kadang, kita pesan dalam tempoh lima bulan baru dapat. Itu pun dalam kuantiti terhad antara 40 hingga 50 pek saja. Tidak seperti dulu yang mana bekalan sentiasa ada," katanya.

Menurutnya, tidak semua pelanggan kedainya membeli beras tempatan.


"Di sini pelanggan memang tahu saya menjual beras SST. Mereka kerap bertanya mengenai beras ini sebab ia memang murah. Dalam masa sama, tak semua pelanggan nak beras SST, ada yang memang beli beras import," katanya.

Menurutnya, beras tempatan hanya dijual pada kuantiti 10 kilogram (kg) iaitu RM26.



PEMBANTU kedai menyusun beras import ketika tinjauan beras SST yang kehabisan stok manakala stok beras import pelbagai jenama masih banyak terdapat di kedai runcit di sekitar Bangi Lama. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM


RAMADAN BUFFET: RESTAURANT FINES CUSTOMERS RM20 FOR NOT FINISHING FOOD >> PAGE 6



Rein in Syed Abu Hussin, government told

THE cost of living task force (food cluster) chairman's statements on white rice shortages contradict what ministers have said. Analysts contend that allowing him to continue making claims may give the public and investors a bad impression, and undermine parties in the government. The chairman is unfazed, and vows to press on with his job.

>> REPORTS BY ROBIN AUGUSTIN & ADIB POVERA ON PAGE 2



MONDAY, MARCH 18, 2024 . NewStraitsTimes

NEWS / Nation


SHORTAGE

'FOOD CLUSTER CHIEF UNDERMINING GOVT'

Analysts say his statements on white rice supply are making Anwar's govt look bad



Professor Dr Wong Chin Huat



Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal



Associate Professor Dr Awang Azman Awang Pawi

ROBIN AUGUSTIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A POLITICAL analyst has cautioned the government that Bersatu's Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal's actions risk damaging the credibility of Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's administration.

Sunway University political scientist Professor Dr Wong Chin Huat said the government should not "enable" Syed Abu Hussin to continue undermining ministers and confusing the public.

He was commenting on Syed Abu Hussin's remarks on Saturday, which appeared to contradict Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi on the rice issue.

Zahid had said the reported shortage of rice affected only certain areas in the country.

However, Syed Abu Hussin, the National Action Council on Cost of Living Task Force (Food Cluster) chairman, said the shortage should not be brushed off lightly.

The Bukit Gantang member of parliament also said he had deployed "Madani enforcement teams" to 30 locations in the peninsula to check on rice shortages.

Wong however questioned what authority did Syed Abu Hussin have to override ministers.

"What is 'his team' that he is talking about when Naccol, let alone his task force, is neither a government agency nor a statutory body?"

"Syed Abu Hussin's statements and behaviour are undermining the authority of the ministries and confusing the public."

Wong said the issue went beyond communications and that the crux of the matter was policymaking, which required professionalism and expertise.

He said if left unchecked, the situation could leave the public and investors with an impression of "administrative incompetence and chaos".

Political analyst Associate Professor Dr Awang Azman Awang Pawi of Universiti Malaya said the government had sufficient resources to monitor rice shortages.

Awang Azman said Syed Abu Hussin should use proper channels to communicate with the government on the rice issue.

He said it was likely that the Bersatu man wanted to appear useful now that he was backing Anwar's leadership.

"At the same time, he seems to have forgotten that Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu is the Amanah president and that Zahid is the Umno president and deputy prime minister."

He said Syed Abu Hussin's behaviour could be seen as undermining parties in the unity government and lead to suspicions regardless of his intentions.